

17/08/1998

Rakyat perlu lebih waspada

TUMPAT, Ahad - Rakyat perlu menjadikan kegawatan ekonomi yang dihadapi sekarang sebagai pengajaran untuk lebih berhati-hati kerana sikap iri hati pedagang mata wang yang menjadi punca utama kejatuhan nilai ringgit boleh berulang pada masa depan.

Pengerusi Institut Kajian Dasar, Datuk Kamaruddin Jaafar, berkata tindakan pedagang mata wang menjalankan kegiatan spekulasi secara tidak terkawal menyebabkan kegawatan ekonomi rantau ini.

"Mereka boleh dilakukan apa saja termasuk membeli mata wang sesebuah negara dengan murah dan menjualnya dengan nilai lebih tinggi.

"Apabila keadaan itu berlaku, sesebuah negara jatuh miskin sehingga memaksa negara terbabit meminta bantuan Barat.

"Itulah tujuan sebenar mereka melakukannya, mereka mahu negara maju seperti Malaysia melutut kepada mereka," katanya.

Berucap pada majlis perjumpaan dengan jentera parti Umno bagi Dewan Undangan Negeri (DUN) Paloh, di Kampung Paloh semalam, beliau yang juga Ketua Umno bahagian Tumpat, berkata walaupun perbuatan jahat itu menjejaskan pembangunan negara, Malaysia tidak mudah mengalah.

Sebaliknya, Kamaruddin berkata, di bawah pimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Timbalannya, Datuk Seri Anwar Ibrahim melaksanakan pelbagai program dan strategi tersendiri bagi mengatasinya.

"Program dan strategi yang dilakukan bagi menstabilkan ekonomi negara ialah meminta bantuan negara sahabat bukannya daripada Tabung Mata Wang Antarabangsa (IMF)," katanya.

Menurutnya, Umno bahagian itu akan menyedarkan rakyat agar membantu kerajaan menangani kegawatan dengan meminta mereka membeli barangan Malaysia.

(END)